

KEFAHAMAN FIQH DI PUSAT PEMINDAHAN MANGSA BANJIR: KAJIAN PERINTIS DI DAERAH TEMERLOH DAN MARAN, PAHANG¹

FIQH UNDERSTANDING AT FLOOD RELIEF CENTERS: AN EXPLORATORY STUDY IN TEMERLOH AND MARAN DISTRICT, PAHANG

Irwan Mohd Subri (Ph.D)², Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali³,
Walid Mohd Said⁴, Nisar Mohammad Ahmad (Ph.D)⁵,
Amir Shaharuddin (Ph.D)⁶, Mohd Aizuddin Abdul Aziz⁷,

¹ Artikel ini adalah sebahagian dapatan penyelidikan yang bertajuk Model Pengurusan Fiqh Banjir di bawah biaya geran FRGS Banjir, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Kod: USIM/FRGS_FLOOD/FPQS-INFAD/32/50115.

² Corresponding Author. Prof. Madya & Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia, Universiti Sains Islam Malaysia. irwan@usim.edu.my

³ Pensyarah, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. wmfazrul@usim.edu.my

⁴ Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. walid@usim.edu.my

⁵ Pegawai Penyelidik Sosial, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia, Universiti Sains Islam Malaysia. nisar.usim@gmail.com

⁶ Prof. Madya & Dekan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia. amir@usim.edu.my

⁷ Guru Bahasa, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia. aizuddin@usim.edu.my

Mohd Azhar Ibrahim Residi⁸, Mohd Nur Adzam Rasdi⁹, Syadiyah Abdul Shukor (Ph.D)¹⁰ & Bilal Jailani¹¹



ABSTRAK

Penghujung tahun 2014, Malaysia khususnya di pantai Timur telah dilanda banjir besar yang luar biasa. Mangsa-mangsa yang dipindahkan dan ditempatkan di pusat penempatan melebihi dua ratus ribu orang. Di pusat-pusat penempatan itu, terdapat beberapa keadaan yang berkait rapat dengan fiqh seperti cara bersuci, kaedah mengerjakan solat, batasan pergaulan lelaki-perempuan yang bukan mahram, pengurusan jenazah, hukum mengambil barang yang dijumpai dan kesedaran merujuk pakar dalam hal fiqh yang tidak diketahui. Untuk mengetahui tahap kefahaman warga pusat penempatan terhadap isu-isu ini, satu kajian perintis kuantitatif berbentuk soal selidik telah dijalankan ke atas 18 orang. Pemilihan responden dibuat menggunakan kaedah persampelan mengikut kesenangan (convenience sampling). Dengan menjadikan daerah Temerloh dan Maran sebagai lokasi kajian, penyelidik mendapati responden mempunyai tahap kefahaman Fiqh yang tinggi dengan nilai min keseluruhan 3.87.

Kata kunci: *fiqh, Temerloh, Maran, banjir, kefahaman*

ABSTRACT

At the end of 2014, Malaysia was hit by an extraordinary and massive flood which affected mainly on its east coast region. The victims, who accounted as more than two hundred thousand people were rescued and placed at flood relief centers. At the relief centres, there were a lot of situations that related closely to Fiqh discipline such as ritual

⁸ Pensyarah, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. azhar@usim.edu.my

⁹ Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. nuradzam@usim.edu.my

¹⁰ Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia. syadiyahas@usim.edu.my

¹¹ Pembantu Penyelidik, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia, Universiti Sains Islam Malaysia. jbilal88@gmail.com

purity, method in performing prayers, mixing and mingling between men and women, islamic funeral the rulings on lost property and the awareness to refer unresolved issues to experts. In order to determine if the evacuees have good Fiqh understanding upon these issues, an exploratory quantitative study had been conducted among 18 respondents using questionnaires. The researchers used convenience sampling method at the district of Maran and Temerloh. As a result, they found the respondent had high level of Fiqh understanding with overall min value 3.87.

Keywords: *fiqh, Temerloh, Maran, flood, understanding*

PENDAHULUAN

Penghujung 2014 menyaksikan peristiwa banjir besar yang melanda negeri-negeri pantai Timur Malaysia dan juga Perak yang telah mengakibatkan kemusnahan harta benda, merosakkan infrastruktur awam, mengganggu struktur sosial dan aktiviti ekonomi, merencatkan perkhidmatan awam, memusnahkan sebahagian besar kawasan pertanian bahkan telah mengorbankan nyawa. Peristiwa banjir ini merupakan banjir paling besar yang pernah direkodkan dalam sejarah Pantai Timur dalam tempoh 30 tahun (Astro Awani, 2014).

Kesan daripada bencana alam ini bukan sahaja menyebabkan penduduk terpaksa berpindah meninggalkan kediaman mereka ke pusat-pusat penempatan mangsa banjir yang telah disediakan, bahkan ada antara mangsa yang tidak sempat berpindah kerana air naik mendadak dan terpaksa berlindung di bukit-bukit dan tempat tinggi sehingga air surut.

Senario ini menyaksikan peningkatan mendadak dalam statistik pemindahan mangsa banjir seperti yang telah dicatatkan oleh Majlis Keselamatan Negara. Jumlah mangsa banjir yang telah dipindahkan di Pahang mencecah 49,369 orang (BH Online, 2014). Jumlah keseluruhan mangsa banjir yang telah dipindahkan di negeri-negeri Pahang, Terengganu, Kelantan, Perak dan Johor seramai 225,370 orang setakat 25 Disember 2014 (Mstar, 2014). Mereka dipindahkan ke pusat-pusat penempatan sementara yang terdiri daripada sekolah, kolej, masjid, dewan orang ramai dan sebagainya.

Di pusat-pusat penempatan, mangsa banjir melalui suasana yang cukup berbeza daripada suasana kehidupan asal mereka. Bekalan air bersih yang terhad, percampuran antara lelaki dan perempuan yang sukar dikawal, makanan yang dicatu, kesibukan mengurus harta benda yang dilanda banjir dan berbagai-bagai urusan dan cabaran sentiasa menghimpit mereka. Situasi yang cukup berbeza ini memerlukan seseorang memiliki kefahaman fiqh yang mantap agar dapat mengambil tindakan yang tepat dalam isu-isu ibadah seperti kaedah solat ketika banjir, cara bersuci, cara menutup aurat, cara bergaul antara lelaki-perempuan dan kaedah menguruskan jenazah ketika bencana.

Kepentingan Ilmu Fiqh

Al-Zahabi (1431H) meriwayatkan kata-kata Imam Asy-Syafie seperti berikut, "Ilmu itu ada dua jenis. Pertama: ilmu agama iaitu ilmu fiqh. Kedua: ilmu dunia". AS Rosman et al (2010) berpendapat bahawa penguasaan fiqh akan membawa beberapa hikmah, antaranya:

- i. Menjadikan seseorang itu faham suruhan dan larangan Allah terhadapnya, lantas bertindak sebagaimana yang diperintahkan.
- ii. Menjadikan seseorang bersifat warak kerana sentiasa berhati-hati dengan perkara halal dan perkara haram.
- iii. Membebaskan diri dari budaya taklid. Budaya taklid sering menyebabkan kesempitan dalam pelaksanaan perkara yang ditaklid.

Selain itu, ilmu fiqh yang mantap akan membantu seseorang beramal dengan penuh yakin, tanpa was-was dan membezakan antara ibadah yang sah dan ibadah yang tidak sah. Ibadah wajib yang tidak sah akan menyebabkan pelakunya menanggung dosa kerana tidak menunaikan kewajipan.

Kepentingan ilmu fiqh ini mempunyai kaitan rapat dengan model pengurusan banjir yang digunakan oleh pihak pengurusan pusat penempatan mangsa banjir. Jika warga pusat penempatan didapati menghadapi masalah dalam kefahaman ilmu fiqh berkaitan banjir, pihak pengurusan seharusnya bertindak proaktif dengan menyediakan manual ibadah, atau menempatkan pegawai agama di pusat penempatan atau apa-apa inisiatif yang boleh menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh warga pusat penempatan dan hal ini sekaligus akan meningkatkan kualiti pengurusan pusat penempatan.

TUJUAN KAJIAN

Kajian perintis ini dijalankan bagi mengetahui tahap kefahaman ilmu fiqh berkaitan banjir dalam kalangan warga pusat penempatan mangsa banjir di daerah Temerloh dan Maran, Pahang. Soalan kajian dinyatakan sebagai “sejauh manakah tahap kefahaman fiqh berkaitan banjir dalam kalangan warga pusat penempatan banjir di daerah Temerloh dan Maran?”.

Dengan adanya maklumat ini, pihak berwajib dapat menentukan tindakan yang dapat diambil bagi menambah baik kualiti pengurusan pusat penempatan dan menjaga ketenteraman ibadah umat Islam. Pihak berwajib seperti Jabatan Mufti Negeri dan Jabatan Agama Negeri mempunyai tanggungjawab memastikan umat Islam sentiasa mendapat ilmu dan maklumat yang cukup dalam melaksanakan tanggung jawab harian mereka sebagai seorang Muslim. Dengan mendidik masyarakat, pihak berwajib dapat membendung masalah bid'ah dan upacara songsang dalam beribadah, selain mengelakkan perbalahan dan pertelingkahan dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, penyelidik juga berharap pengetahuan terhadap tahap kefahaman fiqh ini dapat memberi serba sedikit gambaran umum kepada penyelidikan berikutnya. Sesuai dengan sifat penyelidikan ini yang lebih menjurus kepada penerokaan berbanding deskriptif dan penjelasan. Menurut Lim (2007), biasanya soalan bagi penyelidikan yang bersifat penerokaan belum mencapai tahap yang mantap. Fokus soalan kajian lebih kepada “apa” berbanding “bagaimana” dan “mengapa”. Matlamat utama penyelidikan seperti ini adalah membentuk soalan kajian yang lebih berfokus dan signifikan untuk dijawab oleh penyelidikan akan datang. Oleh itu, penyelidikan perintis ini akan menjadi rujukan pelajar, ahli akademik dan pengkaji seterusnya dalam mengemas perancangan untuk mengumpul data, menyemak kesahan instrumen yang digunakan serta mengetahui kekangan-kekangan yang mungkin timbul dalam proses pengumpulan data.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah sebuah kajian kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian, iaitu (1) Latar Belakang Responden dan (2) Soalan

Kefahaman. Item Latar Belakang Responden terdiri daripada jantina, umur, pusat penempatan, status perkahwinan, pendidikan tertinggi dan sektor pekerjaan. Manakala di bahagian Soalan Kefahaman, sebanyak 12 soalan ditanya berkaitan empat aspek ilmu fiqh iaitu kaedah bersuci, kaedah mengerjakan solat, batasan pergaulan lelaki-perempuan yang bukan mahram dan hukum mengambil barang yang dijumpai. Responden dikehendaki menjawab soalan berdasarkan skala Likert 5-mata dari 1 (Sangat Tidak Setuju), 2 (Tidak Setuju), 3 (Tidak Pasti), 4 (Setuju) dan 5 (Sangat Setuju).

Bagi mendapatkan data, penyelidik telah mengunjungi empat pusat penempatan mangsa banjir yang ada di Temerloh dan Maran. Jumlah pusat penempatan yang ada di Temerloh adalah 62 buah (BH Online, 2014), manakala jumlah pusat penempatan di Maran adalah 32 buah. Berikut adalah empat pusat penempatan yang dikunjungi:

Bil.	Pusat Penempatan	Mukim	Daerah
1.	Sekolah Sukan Pahang SMK Seberang Temerloh	Perak	Temerloh
2.	Masjid Al-Muhajirin, Kampung Bukit Tingkat	Sanggang	Temerloh
3.	Sekolah Menengah Kebangsaan Paya Pulau, Jalan Maran	Bangau	Temerloh
4.	Sekolah Kebangsaan Kertau	Kertau	Maran

Populasi bagi kajian ini adalah mereka yang terlibat secara langsung dengan operasi di pusat penempatan mangsa banjir di daerah Temerloh, sama ada sebagai mangsa, atau sukarelawan yang datang berkhidmat, atau pegawai badan keselamatan yang bertugas seperti polis dan bomba. Menurut BH Online (2014), daerah Temerloh merekodkan jumlah mangsa banjir teramai di Pahang iaitu 19,875 orang terdiri daripada 4,831 keluarga di 62 pusat penempatan. Selain mangsa banjir, petugas dari agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) juga dikira sebagai sebahagian dari populasi.

Bilangan petugas dari kerajaan, swasta dan NGO ini sukar dipastikan dengan tepat kerana tiada pihak yang merekod bilangan mereka. Ada dalam kalangan mereka yang datang dari luar negeri untuk

membantu selama sehari atau dua hari, kemudian pulang ke negeri asal mereka. Penyelidik mengambil keputusan untuk mengabaikan bilangan petugas dan sukarelawan dalam menentukan anggaran populasi kerana bilangan mereka sukar ditentukan. Justeru, populasi kajian bagi daerah Temerloh hanya melibatkan angka mangsa yang dipindahkan ke pusat penempatan sahaja, iaitu 19,875 orang, dan angka ini dianggap mewakili seluruh populasi responden daerah Temerloh.

Daerah Maran pula mencatatkan 4,351 mangsa terdiri daripada 1,135 keluarga di 32 pusat penempatan. Apabila digabungkan dengan populasi daerah Temerloh, populasi bagi kajian ini adalah seramai 24,226 orang.

Langkah mengenal pasti populasi sasaran yang tepat amat penting bagi menjamin kualiti sampel dan kualiti generalisasi dapatan daripada sampel ke populasi mengandungi keraguan (Lim, 2007). Penyelidik memilih 35 orang responden menggunakan teknik persampelan mengikut kesenangan (*convenience sampling*). Melalui kaedah ini, penyelidik telah memilih mana-mana warga di pusat-pusat penempatan itu yang dirasakan sedia memberi kerjasama untuk menjawab soal selidik.

Data yang dikumpul itu disimpulkan melalui bacaan min dan sisihan piawai. Menurut Lim (2007), nilai min memberikan nilai tipikal set data yang dipungut. Manakala nilai sisihan piawai memberikan ukuran sebaran data, iaitu sama ada data berdekatan (nilai sisihan piawai rendah) atau berjauhan (nilai sisihan piawai tinggi) antra satu sama lain. Lebih rendah nilai sisihan piawai, lebih homogen set data itu. Lebih tinggi nilai sisihan piawai, lebih heterogen set data itu.

Interpretasi nilai min dan sisihan piawai adalah seperti dalam Jadual 1 dan Jadual 2.

Jadual 1: Interpretasi Nilai Min

Nilai Min	Interpretasi
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.66	Sederhana
3.67-5.00	Tinggi

Jadual 2: Interpretasi Nilai Sisihan Piawai

Nilai Sisihan Piawai	Interpretasi
0.00-0.25	Sangat Rendah
0.26-0.50	Rendah
0.51-0.75	Sederhana
0.76-1.00	Tinggi
>1.01	Sangat Tinggi

LIMITASI KAJIAN

Proses pengumpulan data ini hanya dijalankan dalam tempoh dua hari sahaja, iaitu pada 2 dan 3 Januari 2015. Dalam keterhadan masa, ditambah dengan kesukaran bergerak dari satu destinasi ke satu destinasi akibat banjir, penyelidik hanya sempat mengunjungi empat buah pusat penempatan daripada jumlah keseluruhan 94 buah pusat penempatan yang ada di daerah Temerloh dan Maran.

Selain itu, terdapat juga beberapa kelompongan pada respon yang diterima, iaitu responden tidak menjawab semua (12) soalan kefahaman atau tidak menyatakan maklumat latar belakang secara lengkap. Daripada 35 respon yang diterima, hanya 18 respon sahaja yang lengkap diisi untuk dianalisis.

DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS

Analisis Demografi

Jadual 3 menunjukkan data demografi 18 responden yang terlibat dalam kajian ini.

Dari segi jantina responden, 12 orang lelaki (66.7%) dan enam orang perempuan (33.3%) telah mengambil bahagian dalam soal selidik ini. Dari sudut umur, 22.2% responden berumur antara 18 hingga 25 tahun, 27.8% berumur antara 26 hingga 35 tahun, 22.2% berumur antara 36 hingga 45 tahun. Manakala sebanyak 27.8% responden berumur 46 tahun dan ke atas.

Jadual 3: Analisis Demografi

Item	N	%
Jantina		
Lelaki	12	66.7
Perempuan	6	33.3
Umur		
18-25	4	22.2
26-35	5	27.8
36-45	4	22.2
46 dan ke atas	5	27.8
Pusat Penempatan		
SK Paya Pulai	1	5.6
Masjid Bukit Tingkat	1	5.6
SMK Seberang Temerloh	2	11.1
SK Kertau	14	77.8
Status Perkhawinan		
Bujang	7	38.9
Berkahwin	10	55.6
Duda/Janda	1	5.6
Pendidikan Tertinggi		
Sekolah Rendah	0	0.0
SRP/PMR	1	5.6
SPM/SPMV	9	50.0
STPM/Diploma	2	11.1
Sarjana Muda	6	33.3
Sarjana/PhD	0	0.0
Sektor Pekerjaan		
Kerajaan	2	11.1
Swasta	4	22.2
Bekerja Sendiri	9	50.0
Tidak Bekerja	3	16.7

Dari segi pusat penempatan, majoriti responden yang terlibat adalah dari Sekolah Kebangsaan (SK) Kertau iaitu seramai 14 orang dan mewakili 77.8% daripada seluruh responden. 11.1% adalah responden dari pusat penempatan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seberang Temerloh iaitu seramai dua orang dan baki 5.6% masing-masing dari pusat penempatan SK Paya Pulai dan Masjid Bukit Tingkat yang mewakili seorang responden (5.6%) dari setiap satu pusat tersebut.

Jika dilihat pada status perkahwinan responden pula, majoriti responden adalah dari kalangan yang berkahwin iaitu sebanyak 55.6%. Baki 38.9% adalah bujang dan 5.6% dari kalangan duda atau janda. Dari segi latar belakang pendidikan responden, dapatan kajian ini menunjukkan separuh (50%) daripada responden adalah di kalangan mereka yang berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV). 33.3% baki yang terlibat adalah responden mempunyai ijazah Sarjana Muda, 11.1% berkelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau Diploma dan 5.6% berkelulusan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) atau Penilaian Menengah Rendah (PMR). Manakala tiada responden yang mempunyai pendidikan tertinggi sekolah rendah dan sarjana atau doktor falsafah (PhD).

Maklumat yang terakhir iaitu sektor pekerjaan pula menunjukkan separuh responden (50%) bekerja sendiri, 22.2% bekerja di sektor swasta, 16.7% tidak bekerja dan 11.1% adalah mereka yang bekerja di sektor kerajaan.

Analisis Soalan Kefahaman

Jadual 4 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan setiap respon terhadap 12 soalan kefahaman fiqh yang ditanya. Jadual ini juga memaparkan Min dan Sisihan Piawai bagi setiap soalan.

Jadual 4: Analisis Jawapan kepada Soalan Kefahaman Fiqh

Tema	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
Bersuci (Taharah)	1. Air banjir boleh digunakan untuk bersuci (mandi wajib dan membasuh kencing/berak).	0 (0)	1 (5.6)	1 (5.6)	3 (16.7)	13 (72.2)	4.56	0.86
	2. Wuduk boleh dilaksanakan menggunakan air banjir (<i>reversed</i>) ¹ .	4 (22.2)	1 (5.6)	1 (5.6)	0 (0)	12 (66.7)	3.83	1.76
	3. Tayammum tidak boleh dilakukan ketika banjir	6 (33.3)	0 (0)	1 (5.6)	2 (11.1)	9 (50.0)	3.44	1.85
Kaedah Solat	4. Saya melaksanakan solat fardu meskipun di musim banjir.	1 (5.6)	2 (11.1)	0 (0)	1 (5.6)	14 (77.7)	4.39	1.29
	5. Solat berjemaah perlu dilaksanakan ketika musim banjir. (<i>reversed</i>) ²	2 (11.1)	2 (11.1)	1 (5.6)	5 (27.8)	8 (44.4)	3.83	1.42
	6. Solat jamak tanpa qasar dibolehkan semasa banjir.	5 (27.8)	3 (16.7)	5 (27.8)	3 (16.7)	2 (11.1)	2.67	1.37
Pergaulan Lelaki-Perempuan	7. Saya tidak mendedahkan aurat kerana dalam keadaan darurat banjir (<i>reversed</i>) ³ .	0 (0)	2 (11.1)	0 (0)	3 (16.7)	13 (72.2)	4.50	0.99
	8. Saya menjaga batasan pergaulan antara lelaki dan perempuan di tempat penempatan banjir.	0 (0)	0 (0)	0 (0)	5 (27.8)	13 (72.2)	4.72	0.46

Tema	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
Pengurusan Jenazah	9. Pengurusan jenazah ketika banjir adalah berbeza dengan semasa di luar musim banjir.	3 (16.7)	5 (27.8)	4 (22.2)	4 (22.2)	2 (11.1)	2.83	1.29
Barang yang Dijumpai	10. Ketika banjir, saya tidak boleh mengambil barang orang lain (terutamanya makanan) walaupun tanpa keizinan. (<i>reversed</i>) ⁴	0 (0)	1 (5.6)	2 (11.1)	4 (22.2)	11 (61.1)	4.39	0.92
	11. Saya tidak boleh mengambil barang berharga yang saya jumpai ketika banjir.	7 (38.8)	1 (5.6)	3 (16.7)	3 (16.7)	4 (22.2)	2.78	1.66
Merujuk Pakar	12. Saya merujuk kepada guru agama yang mahir jika tidak pasti berkenaan isu-isu syariah ketika banjir.	1 (5.6)	0 (0)	1 (5.6)	3 (16.7)	13 (72.2)	4.50	1.04

Petunjuk:

STS-Sangat Tidak Bersetuju, TS-Tidak Setuju, TP-Tidak Pasti, S-Setuju, SS-Sangat Setuju.

Petunjuk Interpretasi Min: 1.00-2.33: Rendah, 2.34-3.66: Sederhana, 3.67-5.00: Tinggi.

Petunjuk Interpretasi SP: 0.00-0.25: Sangat Rendah, 0.26-0.50: Rendah, 0.51-0.75: Sederhana, 0.76-1.00: Tinggi, >1.01: Sangat Tinggi

Tema Bersuci diwakili oleh soalan 1, 2 dan 3. Bagi Soalan 1, 72.2% responden sangat bersetuju bahawa air banjir boleh digunakan untuk bersuci. Min yang dicatatkan adalah 4.56 dan ini menunjukkan

responden mempunyai tahap kefahaman fiqh yang tinggi dalam hal ini. Sisihan piawai yang dicatatkan tinggi, iaitu 0.86 menunjukkan tahap konsensus yang rendah dalam kalangan responden terhadap Soalan 1. Bagi Soalan 2, 66.7% sangat bersetuju bahawa air banjir boleh digunakan untuk berwuduk. Soalan 2 mencatat min 3.83 (tinggi) dan sisihan piawai 1.76 (sangat tinggi).

Asalnya, soalan ini ditanyakan dalam pernyataan negatif, iaitu “Wuduk tidak boleh dilaksanakan menggunakan air banjir”. Bagi memudahkan kerja analisis data, pernyataan tersebut diterbalikkan (*reversed*) menjadi positif kepada, “Wuduk boleh dilaksanakan menggunakan air banjir”. Pertuakran ini dibuat untuk menyelaras nilai jawapan, sekaligus memudahkan perbandingan dengan dapatan-dapatan dari soalan lain. Soalan 3 mencatat min 3.44 (sederhana) dan sisihan piawai 1.85 (sangat tinggi). Majoriti responden (50.0%) sangat bersetuju bahawa tayammum tidak boleh dilakukan ketika banjir.

Tema Kaedah Solat diwakili oleh Soalan 4, 5 dan 6. Soalan 4 mencatat min 4.39 (tinggi) dan sisihan piawai 1.29 (sangat tinggi). Majoriti responden (77.7%) sangat bersetuju terhadap pelaksanaan solat fardu di musim banjir. Soalan 5 pula mencatat min 3.83 (tinggi) dan sisihan piawai 1.42 (sangat tinggi). Majoriti responden (44.4%) sangat bersetuju bahawa solat berjemaah perlu dilaksanakan ketika musim banjir. Manakala Soalan 6 mencatat min 2.67 (sederhana) dan sisihan piawai 1.37 (sangat tinggi). Peratus jawapan tertinggi (27.8%) dicatatkan oleh dua pilihan jawapan, iaitu Sangat Tak Setuju dan Tak Pasti.

Tema Pergaulan Lelaki-Perempuan diwakili oleh Soalan 7 dan 8. Soalan 7 mencatat min 4.50 (tinggi) dan sisihan piawai 0.99 (tinggi). Majoriti responden (72.2%) sangat bersetuju bahawa mereka tidak mendedahkan aurat disebabkan darurat banjir. Asalnya, soalan ini ditanyakan dalam pernyataan positif, iaitu “Saya tidak menutup aurat kerana dalam keadaan darurat banjir”. Bagi memudahkan kerja analisis data, pernyataan tersebut diterbalikkan (*reversed*) menjadi negatif kepada, “Saya tidak mendedahkan aurat kerana dalam keadaan darurat banjir”. Soalan 8 pula mencatat min 4.72 (tinggi) dan sisihan piawai 0.46 (rendah). Majoriti responden (72.2%) sangat bersetuju mereka harus menjaga pergaulan antara lelaki dan perempuan di pusat penempatan.

Tema Pengurusan Jenazah diwakili oleh satu soalan sahaja, iaitu Soalan 9. Soalan 9 mencatat min 2.83 (sederhana) dan sisihan piawai

1.29 (sangat tinggi). Majoriti responden (27.8%) tidak bersetuju bahawa pengurusan jenazah banjir adalah berbeza dengan pengurusan jenazah semasa luar musim banjir.

Tema Hukum Barang Yang Dijumpai diwakili oleh Soalan 10 dan 11. Soalan 10 mencatat min 4.39 (tinggi) dan sisihan piawai 0.92 (tinggi). Majoriti responden (61.1%) sangat bersetuju bahawa mereka tidak boleh mengambil barang orang lain tanpa keizinan. Asalnya, soalan ini ditanyakan dalam pernyataan positif, iaitu “Ketika banjir, saya boleh mengambil barang orang lain (terutamanya makanan) walaupun tanpa keizinan”.

Bagi memudahkan kerja analisis data, pernyataan tersebut diterbalikkan (*reversed*) menjadi negatif kepada, “Ketika banjir, saya tidak boleh mengambil barang orang lain (terutamanya makanan) walaupun tanpa keizinan”. Soalan 11 pula mencatat min 2.78 (sederhana) dan sisihan piawai 1.66 (sangat tinggi). Majoriti responden (38.8%) sangat tidak bersetuju bahawa mereka tidak boleh mengambil barang berharga yang dijumpai ketika banjir.

Tema Merujuk Pakar pula diwakili oleh satu soalan sahaja, iaitu soalan 12. Soalan 12 mencatat min 4.50 (tinggi) dan sisihan piawai 1.04 (sangat tinggi). Majoriti responden (72.2%) sangat bersetuju bahawa mereka perlu merujuk guru agama yang mahir jika tidak pasti dalam isu syariah ketika banjir.

Untuk mendapatkan gambaran yang lebih khusus, min bagi setiap tema juga dikira. Jadual 5 menunjukkan nilai min bagi setiap tema.

Jadual 5: Nilai Min Mengikut Tema

Tema	Nilai Min	Interpretasi
Bersuci (Taharah)	3.94	Tinggi
Kaedah Solat	3.63	Sederhana
Pergaulan Lelaki-Perempuan	4.61	Tinggi
Pengurusan Jenazah	2.83	Sederhana
Barang yang Dijumpai	3.58	Sederhana
Merujuk Pakar	4.50	Tinggi
MIN KESELURUHAN	3.87	Tinggi

Berdasarkan Jadual 5, terdapat tiga tema yang mencatat kefahaman fiqh yang tinggi, iaitu tema Bersuci (Taharah), Pergaulan Lelaki-Perempuan dan Merujuk Pakar. Baki tiga tema lagi mencatat tahap kefahaman fiqh yang sederhana. Tema itu adalah tema Kaedah Solat, Pegurusan Jenazah dan Barang yang Dijumpai. Min keseluruhan adalah 3.87 (tinggi).

PERBINCANGAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui tahap kefahaman fiqh berkaitan banjir dalam kalangan warga pusat penempatan mangsa banjir. Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan responden mempunyai kefahaman fiqh yang tinggi berkaitan banjir. Daripada 12 soalan, terdapat lapan soalan yang mencatat min paras tinggi manakala baki 4 soalan mencatat min paras sederhana.

Soalan yang mencatat min paras sederhana adalah Soalan 3, 6, 9 dan 11. Secara spesifik, soalan-soalan ini adalah dari topik Tayammum, Solat Jamak-Qasar, Cara Mengurus Jenazah dan Hukum Mengambil Barang yang Dijumpai. Justeru, jelaslah di sini empat topik ini menjadi persoalan dalam kalangan masyarakat ketika bencana melanda. Pihak berwajib seperti Jabatan Mufti Negeri, Jabatan Agama Negeri dan para penyelidik perlu memberikan panduan yang jelas dan terperinci dalam empat hal ini. Tanpa panduan yang jelas, dikhuatiri masyarakat akan keliru dengan pandangan-pandangan yang dilontar secara bebas oleh tokoh masyarakat tertentu melalui internet dan media sosial. Selain itu, ia berpotensi menimbulkan perbalahan apabila melibatkan hak orang lain seperti dalam hukum mengambil barang yang dijumpai.

Walaupun Min Keseluruhan 3.87 tergolong dalam paras Tinggi, masih banyak ruang penambahbaikan yang perlu dilakukan. Jelasnya, pendidikan amat penting dalam meningkatkan kefahaman fiqh seseorang. Pihak berwajib perlu mengedarkan kit panduan fiqh ketika bencana kepada semua mangsa banjir dan para petugas pusat penempatan agar persoalan-persoalan yang bermain dalam fikiran mereka dapat diselesaikan.

Selain itu, pihak berwajib juga boleh membuka ruang pertanyaan melalui talian telefon, laman web atau media sosial bagi khidmat nasihat dan konsultasi berkenaan fiqh. Kesemua saluran ini hendaklah berfungsi 24 jam sehari dan tujuh hari seminggu semasa bencana

melanda. Dengan kemudahan-kemudahan sebegini, pengurusan bencana akan menjadi lebih efisien.

Fiqh harian juga banyak bergantung kepada infrastruktur yang menyokong aplikasinya. Walaupun seseorang mengetahui dan memahami kewajipan menutup aurat, dia mungkin juga tidak menutup aurat disebabkan ketiadaan infrastruktur yang menyokong seperti tabir, *partition* dan khemah. Justeru, dalam masa yang sama, pihak berwajib perlu mengambil kira urusan fiqh harian sebagai satu keperluan penting bagi para mangsa. Di samping membekalkan makanan dan ubat-ubatan, pihak berwajib dan orang ramai perlu juga membekalkan tabir kanvas, khemah dan langsir. Menurut Sinar Online (2015), sebuah pertubuhan bukan kerajaan *1Malaysia for Youth* (IM4U) mengumumkan untuk mengagihkan khemah tertutup kepada mangsa banjir 2015. Usaha sebegini menunjukkan peningkatan dalam tahap pengurusan bencana di Malaysia.

PENUTUP

Kajian dalam bidang seumpama ini masih lagi di peringkat awal dan dalam fasa perkembangan. Kajian ini memerlukan lebih banyak perbincang-perbincangan lanjutan untuk menghasilkan solusi yang menyeluruh, tepat dan komprehensif. Hasil kajian yang dilaporkan ini masih lagi berada dalam peringkat penerokaan dan hanyalah sumbangan kecil dalam bidang yang menjadi fardu kifayah kepada seluruh umat Islam di Malaysia. Kajian yang bersifat penerokaan sering terdedah kepada kekaburan dan ketidakjelasan.

Menurut Lim (2007), penyelidikan yang bermatlamatkan penerokaan jarang menghasilkan data yang signifikan apatah lagi teori. Matlamat utama penyelidikan seperti ini adalah membentuk soalan kajian yang lebih berfokus dan signifikan untuk dijawab dalam penyelidikan akan datang. Secara umumnya, penyelidikan ini berjaya menghuraikan serba sedikit keadaan dan situasi sebenar mangsa pusat penempatan banjir berkenaan isu fiqh.

RUJUKAN

- Al-Zahabi, Abu Abdullah Muhammd b Ahmad b Othman (1413H). *Sair A'lam al- Nubala*^c. Suntingan Shu'uib l-Arnut dan Muhammad Na'im, cetakan ke-9, Beirut : Muasasah al-Risalah
- AS Rosman & Salmiah Binti Mohd Jupri (2010). Kepentingan Mempelajari Dan Menguasai Ilmu Fikah Menurut Al-Hafiz Al-Khatib Al-Baghdadi Dalam Kitab Al-Faqih Wa Al-Mutafaqqih. Universiti Teknologi Mara Institutional Repository.http://eprints.utm.my/10883/1/Kepentingan_Mempelajari_Dan_Menguasai_Ilmu_Fikah_Menurut_Al.pdf (diakses pada 7 Januari 2016)
- Astro Awani, 2014, <http://www.astroawani.com/berita-banjir/banjir-terburuk-di-gua-musang-dalam-tempoh-30-tahun-50817> (diakses pada 25 Ogos 2015).
- BH Online, 2014, <http://www.bharian.com.my/node/26064> (Diakses pada 25 Ogos 2015)
- Lim, Chong Hin. 2007. *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kualitatif Dan Kuantitatif*. Shah Alam: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Mstar, 2014, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2014/12/29/banjir-kelantan-buruk/> (diakses pada 25 Ogos 2015)
- Sinar Online (2015), <http://www.sinarharian.com.my/nasional/im4u-akan-agih-khemah-tertutup-bagi-mangsa-banjir-1.453223> (Diakses pada 20 Januari 2016).

(Footnotes)

- ¹ Soalan asal adalah, “Wuduk tidak boleh dilaksanakan menggunakan air banjir”.
- ² Soalan asal adalah, “Solat berjemaah tidak perlu dilaksanakan ketika musim banjir”.
- ³ Soalan asal adalah, “Saya tidak menutup aurat kerana dalam keadaan darurat banjir”.
- ⁴ Soalan asal adalah, “Ketika banjir, saya boleh mengambil barang orang lain (terutamanya makanan) walaupun tanpa keizinan”.